

# **MODUL PENINGKATAN PRESTASI MURID TINGKATAN 5**

## **TAHUN 2024**

---

### **BAHASA MELAYU**

#### **KERTAS 3**

#### **SET 2**

---

#### **UJIAN BERTUTUR**

#### **NASKHAH PENTAKSIR**

- Modul ini mengandungi **lapan** soalan.*
- Pentaksir dikehendaki untuk mengemukakan **satu** soalan sahaja kepada setiap calon.*

#### **AMARAN**

- Modul ini ialah modul tertutup.**
- Kandungan modul ini tidak boleh disalin, dicetak semula atau dikeluarkan dengan apa-apa cara sekalipun.**
- Modul ini mestilah diserahkan kepada Ketua Pentaksir di dalam bilik peperiksaan sebaik sahaja peperiksaan modul tamat.**



## **Isi Kandungan Taksiran Individu**

**Soalan 1:** Pertanian, Penternakan dan Perikanan - Pertanian Bandar

**Soalan 2:** Alam Sekitar dan Teknologi Hijau - Melestarikan Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama

**Soalan 3:** Kerjaya - Dilema Pengangguran Dalam Kalangan Siswazah

**Soalan 4:** Perindustrian - Industri Durian di Malaysia

**Soalan 5:** Pertanian, Penternakan dan Perikanan - Sektor Penternakan

**Soalan 6:** Alam Sekitar dan Teknologi Hijau - Budaya Teknologi Hijau

**Soalan 7:** Kerjaya – Penulis Kandungan

**Soalan 8:** Perindustrian - Industri Nanas

## BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 1

[40 markah]

### TEMA: PERTANIAN, PENTERNAKAN DAN PERIKANAN

Baca bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

#### PERTANIAN BANDAR



Di Malaysia, Program Pertanian Bandar diperkenalkan pada tahun 2014 setelah pembentukan bahagian pertanian bandar di bawah Jabatan Pertanian Malaysia pada tahun 2010. Pertanian bandar biasanya dilakukan di kawasan terhad seperti kawasan terbiar, ruang kosong sama ada di atas bumbung rumah atau bangunan menggunakan beberapa kaedah seperti aeroponik dan fertigasi. Jumlah penduduk yang meningkat menyebabkan proses urbanisasi juga bergerak seiring dengannya. Kepesatan ini mengakibatkan masyarakat di bandar sukar mendapatkan bekalan bahan makanan yang mencukupi dan berkualiti. Jadi, pertanian bandar merupakan langkah terbaik untuk mengatasi masalah ini. Menurut kajian, masyarakat yang menjalankan pertanian bandar secara kecil-kecilan di kediaman masing-masing mampu mendapatkan bahan makanan yang segar, berkualiti dan bebas bahan kimia dalam menu harian masing-masing.

Dipetik dan diubah suai daripada  
Dewan Ekonomi 25 Mei 2021

## **SOALAN**

1. Di manakah pertanian bandar dilakukan?
2. Nyatakan faedah pertanian bandar secara kecil-kecilan.
3. Pada pendapat anda, apakah punca-punca generasi muda kurang meminati bidang pertanian?
4. Huraikan peranan pihak sekolah dalam mendidik murid-murid meminati bidang pertanian.

**MODUL TAMAT**

## BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 2

[40 markah]

### TEMA: ALAM SEKITAR DAN TEKNOLOGI HIJAU

Baca bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

#### MELESTARIKAN ALAM SEKITAR TANGGUNGJAWAB BERSAMA



Menurut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, alam sekitar bermaksud suatu aset atau simpanan sumber alam sama ada berbentuk material dalam kelompok masyarakat, pada waktu dan tempat yang tertentu bagi menyempurnakan dan memenuhi keperluan manusia dari semasa ke semasa. Manakala, definisi alam sekitar berdasarkan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) ialah faktor-faktor fizikal yang mengelilingi kehidupan manusia. Hal ini termasuklah tanah, air, udara, iklim, bunyi, bau, rasa, faktor biologi, dan faktor sosial yang saling bergantung sesama sendiri antara faktor biologi dengan faktor fizikal. Jelaslah bahawa kepentingan manusia saling berhubungan dengan alam adalah untuk memastikan kelangsungan dan kesinambungan hidup di muka bumi ini. Oleh sebab itu, menjadi tanggungjawab setiap manusia untuk memelihara alam sekitar.

Dipetik dan diubah suai daripada  
Dewan Kosmik, 20 Disember 2021

## **SOALAN**

1. Apakah definisi alam sekitar berdasarkan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127)?
2. Nyatakan kepentingan manusia saling berhubungan dengan alam.
3. Pada pendapat anda, mengapakah generasi muda dikatakan kurang menjaga alam sekitar?
4. Jelaskan peranan ibu bapa untuk memupuk budaya cinta akan alam sekitar.

**MODUL TAMAT**


## BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 3

[40 markah]

### TEMA: KERJAYA

Baca bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

#### DILEMA PENGANGGURAN DALAM KALANGAN SISWAZAH



Pengangguran bermaksud suatu keadaan tiada pekerjaan apabila seseorang yang mahu bekerja tetapi tidak mendapat pekerjaan. Pengangguran ini turut melibatkan golongan yang berpendidikan tinggi. Menurut statistik Tenaga Buruh Malaysia, kadar pengangguran di Malaysia kekal 3.6 peratus pada Disember tahun 2022 dengan bilangan penganggur menurun kepada 599,600 orang berbanding 600,900 orang pada bulan sebelumnya. Walau bagaimanapun, penurunan ini masih dalam skala kecil disebabkan oleh pelbagai faktor. Antara faktornya ialah sikap memilih pekerjaan, kadar gaji yang ditawarkan rendah dan kurang pengalaman dalam bidang yang dipohon. Menyedari akan masalah ini, langkah-langkah yang lebih intensif perlulah dilaksanakan oleh pelbagai pihak. Salah satu langkahnya adalah dengan memperkasakan bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional.

Dipetik dan diubah suai daripada  
Bernama 09 Februari 2023

## **SOALAN**

1. Apakah maksud pengangguran?
2. Nyatakan faktor-faktor berlakunya penurunan kadar pengangguran.
3. Pada pendapat anda, apakah kesan-kesan pengangguran kepada negara?
4. Huraikan persediaan-persediaan untuk mencapai kerjaya impian.

**MODUL TAMAT**

## BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 4

[40 markah]

### TEMA: PERINDUSTRIAN

Baca bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

#### INDUSTRI DURIAN DI MALAYSIA



Industri durian ialah satu daripada sumber kekayaan Malaysia. Selain durian kampung, terdapat beberapa durian klon yang menjadi pilihan untuk dieksport seperti Musang King, Duri Hitam, Tekka dan D24. Kebiasaannya, durian dieksport ke Singapura, Hong Kong dan Brunei. Banyak negara berminat untuk mengimport durian dari Malaysia disebabkan oleh kualiti durian Malaysia yang baik, lebih manis, lemak dan beraroma. Selain itu, Jabatan Pertanian telah memperkenalkan satu standard durian kampung premium iaitu bertangkai segar, isi berwarna putih krim, kuning atau jingga dengan ketebalan isi melebihi 10 milimeter dan berat buah melebihi satu kilogram. Cabaran yang dihadapi termasuklah pengeluaran bekalan durian yang berterusan, serangan penyakit dan perosak serta persaingan antara negara pengeksport lain menggunakan pelbagai nama yang sama.

Dipetik dan diubah suai daripada  
Dewan Kosmik 17 Februari 2023

## **SOALAN**

1. Nyatakan jenis durian klon yang menjadi pilihan untuk dieksport.
2. Apakah yang diperkenalkan oleh Jabatan Pertanian?
3. Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah untuk mempromosikan buah-buahan tempatan?
4. Huraikan kebaikan-kebaikan buah-buahan tempatan.

**MODUL TAMAT**

## BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 5

[40 markah]

### TEMA: PERTANIAN, PENTERNAKAN DAN PERIKANAN

Baca bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

#### SEKTOR PENTERNAKAN



Dasar Pertanian Negara yang dilaksanakan pada tahun 1984 telah memberi penekanan kepada pengembangan daya saing tanaman komoditi seperti kelapa sawit dan koko. Banyak pembangunan prasarana dan pembukaan tanah-tanah baharu bagi memajukan kedua-dua tanaman komoditi ini. Kelapa sawit amat sesuai dengan penternakan ruminan seperti lembu, kambing dan biri-biri manakala perladangan getah untuk penternakan biri-biri. Meskipun industri ternakan ruminan khususnya lembu pedaging, kambing dan biri-biri pada masa ini masih berskala kecil, tetapi industri ini berpotensi untuk dikembangkan bagi menjamin bekalan makanan dalam negara serta mengurangkan daging import. Antara cabaran yang dihadapi dalam pembangunan industri ini semestinya kekurangan kawasan pemeliharaan, harga makanan yang tinggi dan kekurangan tenaga kerja.

Dipetik dan diubah suai daripada  
Kosmo 10 November 2021

## **SOALAN**

1. Apakah jenis penternakan ruminan yang sesuai dengan kelapa sawit dan getah?
2. Nyatakan cabaran yang dihadapi dalam pembangunan industri ini.
3. Pada pendapat anda, mengapakah bidang penternakan dikatakan kurang mendapat sambutan?
4. Huraikan langkah-langkah untuk menarik minat belia menceburi bidang penternakan.

**MODUL TAMAT**

## BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 6

[40 markah]

### TEMA: ALAM SEKITAR DAN TEKNOLOGI HIJAU

Baca bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

#### BUDAYA TEKNOLOGI HIJAU



Hasrat kerajaan menjadikan Malaysia sebagai negara bebas karbon menjelang 2050 membuktikan kesungguhan untuk memacu pertumbuhan negara ke arah kelestarian dan mesra alam sekitar. Isu perubahan iklim, kelestarian alam sekitar dan penggunaan teknologi hijau perlu ditekankan untuk mencapai matlamat ini. Aspirasi bersepada ke arah teknologi hijau dan bebas karbon akan meningkatkan daya saing negara pada peringkat global. Teknologi hijau merupakan satu konsep yang merujuk kepada teknologi mesra alam, tidak mencemarkan, boleh diperbaharui dan mempunyai nilai kecekapan tinggi. Teknologi ini penting dalam bidang industri, pemuliharaan alam sekitar dan pembangunan ekonomi mampan. Bagi meningkatkan kesedaran masyarakat dan menggalakkan penggunaan meluas teknologi hijau, institusi pendidikan boleh memainkan peranan menyediakan generasi masa depan yang mempunyai pengetahuan teknologi hijau.

Dipetik dan diubah suai daripada  
*Berita Harian* 22 Januari 2022

## **SOALAN**

1. Nyatakan hasrat kerajaan Malaysia menjelang 2050.
2. Apakah maksud teknologi hijau?
3. Pada pendapat anda, apakah cara-cara untuk mengindahkan persekitaran sekolah?
4. Huraikan kepentingan menjaga alam sekitar.

**MODUL TAMAT**

## BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 7

[40 markah]

### TEMA: KERJAYA

Baca bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

#### PENULIS KANDUNGAN



Seiring dengan perkembangan media massa, kita dapat melihat kewujudan kerjaya sebagai penulis kandungan. Penulis ini dikehendaki menyediakan kandungan untuk diterbitkan dalam laman web, blog, portal dan media sosial seperti Facebook dan Instagram. Pada hari ini, kita dapat melihat kewujudan pelbagai portal sama ada hiburan, isu semasa ataupun politik yang tentunya bersaing bagi mendapatkan audiens. Kehadiran audiens akan menentukan hidup mati portal ini. Tugas untuk menarik minat audiens terletak dalam tangan penulis kandungan. Penulis kandungan perlu menghasilkan kandungan atau tulisan yang mesra audiens sehingga meyakinkan enjin carian untuk mengesyorkan penulisannya kepada pengguna atau pembaca. Trafik yang tinggi dalam sesuatu portal akan menghasilkan peluang yang besar bagi menjana pendapatan.

Dipetik dan diubah suai daripada  
Tunas Cipta 8 Jun 2021

## **SOALAN**

1. Apakah yang perlu disediakan oleh penulis kandungan?
2. Nyatakan kesan trafik yang tinggi dalam sesuatu portal.
3. Pada pendapat anda, apakah ciri-ciri pekerja cemerlang?
4. Huraikan peranan keluarga dalam menentukan kerjaya seseorang individu.

**MODUL TAMAT**

## **BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 8**

[40 markah]

### **TEMA: PERINDUSTRIAN**

*Baca bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.*

#### **INDUSTRI NANAS**



Nanas antara buah tempatan yang sangat popular di negara ini. Nanas boleh didapati sepanjang tahun kerana tempoh pengeluaran hasil yang agak singkat iaitu 13 hingga 15 bulan bergantung kepada varieti. Nanas dikelaskan dalam kumpulan buah-buahan utama oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani memandangkan potensinya yang besar dalam menjana pendapatan kepada petani dan negara. Buah nanas yang telah masak boleh dimakan segar, dijadikan salad atau dimasak. Antara masakan tradisional yang menggunakan nanas sebagai ramuan utama ialah pajeri nanas dan masak lemak nanas. Di negeri Johor, buah nanas diproses secara komersial untuk dijadikan produk nanas dalam tin dan jus nanas. Selain itu, nanas juga boleh diproses menjadi produk lain yang mempunyai nilai tambah seperti jem dan halwa.

Dipetik dan diubah suai daripada  
Economic and Technology Management Review, Vol. 4(2009): 11– 24

## **SOALAN**

1. Berapakah tempoh pengeluaran hasil nanas?
2. Nyatakan produk nanas yang dikomersialkan di negeri Johor.
3. Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah untuk meningkatkan hasil pertanian?
4. Huraikan kepentingan industri pertanian kepada negara.

**MODUL TAMAT**

## **Isi Kandungan Taksiran Kumpulan**

**Soalan 1:** Kesihatan dan Kebersihan

**Soalan 2:** Perpaduan

## **BAHAGIAN B: TAKSIRAN KUMPULAN 1**

[30 *Markah*]

### **TEMA : KESIHATAN DAN KEBERSIHAN**

Terdapat pelbagai langkah untuk menjaga kebersihan persekitaran.

Bincangkan.

**MODUL TAMAT**

## **BAHAGIAN B: TAKSIRAN KUMPULAN 2**

[30 *Markah*]

### **TEMA : PERPADUAN**

Terdapat pelbagai faedah perpaduan kaum di negara kita.

Bincangkan.

**MODUL TAMAT**